



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9 / (44)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LOŔONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

5 Februari 2021  
23 Jamadil Akhir 1442H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING  
LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**BAYARAN KEMAJUAN KERJA-KERJA PERMOHONAN  
PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI  
(SUB-MC) BAGI SKIM STRATA BERCAMPUR**

---

## 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan prosedur bayaran kemajuan kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) dalam melaksanakan kerja-kerja permohonan penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari [*Subsidiary Management Corporation* (Sub-MC)] bagi skim strata bercampur.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 17A, Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [A1450] telah memperuntukkan bahawa perbadanan pengurusan [*Management Corporation (MC)*] boleh menetapkan Harta Bersama Terhadap (HBT) dan menubuhkan Sub-MC bagi mewakili kepentingan yang berbeza-beza pemilik-pemilik petak terutamanya dalam pembangunan bercampur skim berstrata melalui suatu resolusi komprehensif yang dijalankan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (APS) [Akta 757].
- 2.2 Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) telah bersetuju melaksanakan prosedur bayaran kemajuan bagi fi ukur yang didepositkan kepada JTB selaras dengan peruntukkan di bawah peraturan 28, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

## 3. PROSEDUR BAYARAN KEMAJUAN

Dengan pemakaian pekeliling ini, maka prosedur bayaran kemajuan bagi kera-kerja permohonan penubuhan Sub-MC adalah sepertimana berikut:

Bil.	Peringkat Bayaran	Jumlah Tuntutan	Syarat-Syarat Kelulusan Tuntutan
3.1	Peringkat Pertama	10%	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Bayaran upah ukur didepositkan di LJT.</li><li>ii. JTB mengemukakan borang LJT 700 atau LJT 710 beserta dokumen yang diperlukan dan pendaftaran kerja telah diluluskan oleh LJT.</li></ul>
3.2	Peringkat Kedua	50%	JTB mengemukakan borang LJT 702 beserta dokumen-dokumen sokongan berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>i. Salinan Pelan Khas Harta Bersama Terhadap (PK(HBT))</li></ul>

Bil.	Peringkat Bayaran	Jumlah Tuntutan	Syarat-Syarat Kelulusan Tuntutan
			<p>dalam bentuk digital (format dwg) serta salinan PK(HBT) yang telah dikemukakan dan diperakukan penerimaanya oleh MC.</p> <p>ii. Pengeluaran notis <i>Annual Grand Meeting /Extraordinary Grand Meeting</i> untuk maksud undian kelulusan resolusi komprehensif.</p>
3.3	Peringkat Ketiga	20%	<p>i. JTB mengemukakan borang LJT 704 beserta bukti penerimaan surat teratur dari JUPEM selepas semakan dilakukan ke atas PK(HBT).</p> <p>ii. Sekiranya JTB tidak membuat tuntutan di para 3.2 di atas, maka dokumen-dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan semasa membuat tuntutan diperingkat ini.</p>
3.4	Peringkat Keempat	18%	JTB mengemukakan salinan kelulusan Sijil Sub-MC beserta perakuan penubuhan Sub-MC oleh PTG.

#### 4. PELAKSANAAN

Pekeliling ini terpakai untuk semua kerja-kerja permohonan penubuhan perbadanan pengurusan subsidiari yang didaftarkan di LJT.

## 5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' Sr DR. AZHARI BIN MOHAMED)**

**Pengerusi**

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

### **Salinan Kepada**

#### **Agihan Dalaman:**

Setiausaha, Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

#### **Agihan Luaran:**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)